

12/07/1999

Peneroka Felda puji usaha kerajaan

Asmu MZ

BAGI peneroka tanah rancangan Felda Gugusan Taib Andak, Kulai, Johor, kami tetap setia bersama kepemimpinan kerajaan. Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini berjaya menyuntik semangat rakyat khususnya peneroka Felda, walaupun ada segelintir peneroka menyokong parti pembangkang.

Perkara itu tidak menjadi masalah kepada peneroka yang setia kepada kerajaan. Adalah lumrah bagi pembangkang apabila hampir pilihan raya mereka terlalu sibuk dengan memacak bendera di sana sini.

Kepada peneroka Felda, kita harus insaf dan bersyukur kerana kita adalah masyarakat yang bernasib baik, tidak seperti di negara lain yang bergelumang dengan penderitaan. Apakah kita mahu menjadi seperti mereka? Janganlah kita diperalatkan oleh mereka, semata-mata untuk kepentingan politik mereka tanpa mengambil kira nasib bangsa dan negara. Di sebabkan kehabisan modal, mereka sanggup berbuat apa saja bagi mengelirukan pemikiran kita terutama di kalangan peneroka Felda.

Menerusi perjuangan Umno, rakyat hidup aman. Kita tidak lagi dijajah. Rakyat tetap menyanjung tinggi perjuangan pemimpin terdahulu dan diteruskan oleh kepemimpinan hari ini. Malangnya, mereka yang kecewa berbuat apa saja kononnya hendak memperjuang nasib rakyat, tetapi tiada sambutan. Oleh kerana sebilangan peneroka Felda sedar dan insaf kerana apa yang diperjuangkan oleh pemimpin kita adalah untuk meningkat taraf hidup rakyat, mereka menyokong setiap agenda kerajaan.

Adalah wajar bagi mereka yang hilang arah akibat dipengaruhi oleh pihak yang kecewa, kembali ke pangkal jalan dan menerima kenyataan yang benar. Janganlah menjadi kuda tunggangan parti pembangkang. Kerajaan sentiasa berlaku adil kepada setiap rakyat. Setiap rakyat diberi hak tanpa mengira sama ada mereka menyokong kerajaan atau pembangkang. Setiap mereka layak menerima apa saja kemudahan seperti bantuan melanjutkan pelajaran dan sebagainya.

Oleh itu peneroka Felda jangan mudah terpadaya dengan janji kosong pembangkang. Perjuangan pembangkang adalah semata-mata untuk kepentingan politik, kononnya berjuang untuk agama. Apakah selama ini kerajaan mengabaikan masalah agama? Sebenarnya merekalah yang banyak membuat tafsiran mengenai agama hingga sanggup mengkafirkan seseorang. Apakah mereka dibenarkan menghina sesama umat dan seagama? Apa sudah jadi dengan mereka?

Lawatan Dr Mahathir ke rancangan Felda Gugusan Taib Andak baru-baru ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kehidupan masyarakat peneroka. Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada rakyat. Rakyat luar bandar tidak terpinggir daripada arus pembangunan.

Sebagai rakyat yang setia, kami peneroka Felda merakamkan ucapan terima kasih atas lawatan Perdana Menteri untuk bersama rakyat, khususnya peneroka Felda. Kami berjanji akan bekerja keras untuk memastikan kerajaan hari ini terus kekal.

Kami kecewa kerana segelintir peneroka Felda yang menyokong parti pembangkang sering membuat dakwah di kedai kopi bagi menarik perhatian orang ramai. Bagaimanapun, tindakan mereka tidak mendapat sambutan, malah ia dicemuh orang ramai. Masyarakat Felda faham dan insaf selama ini kerajaan banyak membantu rakyat miskin terutama di tanah rancangan Felda.

Jika sebelum menyertai tanah rancangan, mereka hidup miskin, sekarang kehidupan mereka sudah berubah. Taraf hidup mereka jauh lebih baik

berbanding kehidupan ketika di kampung sebelum berhijrah ke tanah rancangan.